

TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL PROGRAM PB JOURNEY - PRODUCT HOLDING REWARD

Program PB Journey - Product Holding Reward (“Program”) ini dianjurkan bersama-sama oleh Public Bank Berhad [196501000672 (6463-H)] (“PBB”) dan Public Islamic Bank Berhad [197301001433 (14328-V)] (“PIBB”) (secara kolektif dikenali sebagai “Bank tersebut”). Terma dan syarat yang berikut akan mengawal Program ini.

1. Tempoh Program

- 1.1 Program ini akan berlangsung dari **1 Julai 2021 hingga 31 Disember 2021** [termasuk kedua-dua tarikh tersebut, atau tarikh lain seperti yang ditentukan oleh Bank (“Tempoh Program”)].

2. Kelayakan

- 2.1 Program ini terbuka kepada semua pelanggan Red Carpet Banking (RCB) yang mesti mengekalkan amaun deposit minimum sebanyak RM300,000 dalam kombinasi sama ada Deposit Tetap Mata Wang Asing (bersamaan dengan Ringgit), Akaun Semasa/Akaun Semasa-i Mata Wang Asing (bersamaan dengan Ringgit), Akaun Semasa/Akaun Semasa-i, Akaun Simpanan / Akaun Simpanan-i atau Deposit Tetap / e-Deposit Tetap / Deposit Bertempoh-i/ e-Deposit Bertempoh-i / dengan Bank (“Peserta yang Layak”).
- 2.2 Program ini boleh didapati di semua cawangan PBB/PIBB termasuk Pusat Perbankan Red Carpet (RCB) di Malaysia.
- 2.3 Seorang Pelanggan RCB baharu dikehendaki mendaftar untuk Keahlian RCB sebelum layak untuk dipertimbangkan bagi Program ini. Kelayakan bagi Keahlian RCB pelanggan baharu ini tertakluk pada pelanggan baharu itu memenuhi kriteria kelayakan keahlian RCB yang ditetapkan di bawah “Terma dan Syarat yang Mengawal Keahlian Perbankan Red Carpet (RCB)”.
- 2.4 Untuk akaun bersama atau akaun bagi pihak atas nama ibu atau bapa/penjaga yang sah, hanya nama yang pertama tercatat sebagai pemegang akaun dalam rekod PBB/PIBB akan dianggap sebagai Peserta yang Layak.

2.5 Mereka yang berikut **TIDAK** layak untuk mengambil bahagian dalam Program ini:

- a) kakitangan tetap dan/atau kontrak PBB, PIBB dan Public Investment Bank Berhad (“PIVB”);
- b) pelanggan bukan individu iaitu keempunyaan tunggal, perkongsian, entiti korporat, persatuan, kelab, sekolah dan pertubuhan.
- c) orang yang tidak waras;
- d) orang yang telah diisytiharkan bankrap atau mempunyai prosiding guaman dalam apa jua bentuk terhadapnya; dan
- e) orang yang akaunnya dengan PBB/PIBB culas atau tidak disenggara dengan memuaskan seperti yang ditetapkan oleh PBB dan/atau PIBB.

3. Ciri-ciri Program

3.1 Peserta yang Layak akan secara automatik layak untuk ganjaran tunai yang berikut semasa Tempoh Program apabila Peserta yang Layak menambah pegangan produk mereka dengan mendapatkan mana-mana Produk yang Layak yang tersenarai di bawah semasa Tempoh Program:

No.	Produk yang Layak	Keperluan Minimum	Ganjaran Tunai (RM)
(1)	<ul style="list-style-type: none"> • Pinjaman Perumahan (Konvensional) • Pembiayaan-i Perumahan (Islam) 	Amaun minimum yang diluluskan dan diterima sebanyak RM250,000 bagi setiap Pinjaman Perumahan atau Pembiayaan-i Perumahan.	288
(2)	Dana Unit Amanah Ekuiti / Berimbang / Aset Bercampur Siri PB (UA)	Amaun Pelaburan Minimum sebanyak RM50,000 bagi setiap urus niaga Pelaburan UA.	288

No.	Produk yang Layak	Keperluan Minimum	Ganjaran Tunai (RM)
(3)	<ul style="list-style-type: none"> • Sewa Beli (Konvensional) • Sewa Beli-i AITAB (Islam) 	Amaun minimum yang diluluskan dan diterima sebanyak RM100,000 bagi setiap Sewa Beli atau Sewa Beli-i AITAB.	188
(4)	Akaun Deposit*: <ul style="list-style-type: none"> • Akaun Semasa - Akaun Premier ACE • Akaun Simpanan - Semua Akaun Simpanan PBB kecuali Akaun Simpanan WISE 	Pembukaan Akaun Premier ACE/Akaun Simpanan dengan Baki Purata Harian (DAB) [#] minimum sebanyak RM50,000.	88
(5)	Bankasurans (Konvensional): <ul style="list-style-type: none"> • empower 2 • PB WealthElite 3 • PB Max Advantage • PB Elite Signature • PB Smart Link • PB Smart Elite Bankatakaful (Islam): <ul style="list-style-type: none"> • PB ExcelLink-i 	Premium yang akan dikuatkuasakan: <ol style="list-style-type: none"> 1) Premium Baharu Tahunan sebanyak RM5,000; atau 2) Premium Tunggal/ Caruman sebanyak RM8,000 	68

*Dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

[#] DAB ditakrifkan sebagai baki akhir hari teragregat dari tarikh pembukaan akaun hingga 31 Disember 2021 dibahagikan dengan jumlah bilangan hari dari tarikh akaun dibuka hingga 31 Disember 2021.

3.2 Terma dan syarat khusus bagi Pinjaman Perumahan/Pembiayaan-i Perumahan

- a) Pinjaman Perumahan/Pembiayaan-i Perumahan termasuk pinjaman perumahan/pembiayaan-i perumahan **baharu** dan pembiayaan semula pinjaman perumahan/pembiayaan-i perumahan yang dikeluarkan mulai 1 Julai 2021 hingga 31 Disember 2021 layak untuk mengambil bahagian dalam Program ini.
- b) Pengembalian semula pinjaman perumahan/pembiayaan-i perumahan sedia ada **TIDAK** layak untuk Program ini.

3.3 Terma dan syarat khusus bagi UA

- a) Amaun pelaburan minimum sebanyak RM50,000 mestilah dalam urus niaga tunggal. Tiada kombinasi atau jenis dana berbeza terkumpul dibenarkan.
- b) Pelaburan UA yang berikut **TIDAK** layak untuk dipertimbangkan untuk Program ini:-
 - Semua jenis urus niaga tukar ganti;
 - Dana Unit Amanah Ekuiti/Berimbang/Aset Bercampur e-Siri Public;
 - Pelaburan yang dibuat menggunakan dana daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP);
 - Pelaburan yang dibuat melalui platform dalam talian iaitu Public Mutual Online;
 - Pelaburan yang dibuat melalui kempen berkaitan UA yang lain yang ditawarkan serentak oleh PBB dan/atau PIBB;
 - Pelaburan dalam Skim Persaraan Swasta (PRS).
- c) Amaun pelaburan kumulatif untuk dana yang berlainan atau hari yang berlainan dalam Tempoh Program adalah **TIDAK** dibenarkan.
- d) Semua pelaburan UA mesti dibuat semasa Tempoh Program dan mesti diproses oleh Public Mutual Berhad (PMB) tidak lebih dari 31 Januari 2022 untuk layak mendapat ganjaran tunai.
- e) Jika UA dibatalkan semasa “tempoh percubaan” berkenaan, Peserta yang Layak tidak layak untuk mengambil bahagian dalam Program ini dan tidak layak untuk Ganjaran Tunai.
- f) “Tempoh percubaan ” merujuk tempoh enam (6) hari perniagaan bermula dari tarikh penerimaan borang permohonan dan pembayaran kepada PMB. Tempoh percubaan ini hanya diterima pakai kepada Peserta yang Layak yang melabur dalam dana unit amanah dengan PMB untuk kali pertama.
- g) Pelaburan UA ini juga tertakluk pada terma dan syarat yang dikeluarkan oleh PMB.

3.4 **Terma dan syarat khusus bagi Sewa Beli / Sewa Beli-i AITAB**

- a) Hanya Sewa Beli / Sewa Beli-i AITAB baharu yang dikeluarkan dalam tempoh antara 1 Julai 2021 hingga 31 Disember 2021 layak untuk Program ini.

3.5 **Terma dan syarat khusus bagi Akaun Deposit**

- a) Hanya Akaun Premier ACE yang baharu dibuka semasa Tempoh Program dianggap sebagai Produk yang Layak, dengan syarat sebelum Tempoh Program, Peserta yang Layak tidak mempunyai akaun berkenaan dengan itu, Peserta yang Layak layak untuk satu (1) ganjaran tunai dalam kategori ini.
- b) Hanya Akaun Simpanan PBB baharu yang dibuka semasa Tempoh Program dianggap sebagai Produk yang Layak dengan syarat sebelum Tempoh Program, Peserta yang Layak tidak mempunyai apa-apa akaun berkenaan dengan itu, Peserta yang Layak layak untuk satu (1) ganjaran tunai dalam kategori ini.
- c) Semua Akaun Deposit daripada PIBB **TIDAK** layak untuk Program ini dan tidak layak untuk ganjaran tunai.

3.6 **Terma dan syarat khusus bagi Bankasurans / Bankatakaful**

- a) Peserta yang Layak mestilah Pemilik Polisi/Sijil. Peserta yang Layak boleh membeli/mencarum pelbagai polisi bagi setiap produk Bankasurans/Bankatakaful yang layak, tetapi dengan syarat sebelum Tempoh Program, Peserta yang Layak tidak mengekalkan produk Bankasurans/Bankatakaful layak yang sama, dengan itu Peserta yang Layak layak untuk satu (1) ganjaran tunai bagi setiap produk Bankasurans/Bankatakaful yang layak yang disenaraikan di bawah.
- b) Produk Bankasurans / Bankatakaful yang layak bagi Program ini adalah seperti yang berikut:
 - empower 2
 - PB WealthElite 3
 - PB Max Advantage
 - PB Elite Signature
 - PB Smart Link
 - PB Smart Elite
 - PB Excellink-i
- c) Produk tele-pemasaran, produk Insurans Hayat / Takaful Berkaitan Kredit, Pelan Perlindungan Mikro 1 Malaysia dan semua pelan kumpulan **TIDAK** layak untuk Program ini.
- d) Semua kes bankasurans/bankatakaful mesti diterima semasa Tempoh Program yang berkenaan dan akan dikuatkuasakan tidak lebih dari 31 Januari 2022.

- e) Kes yang ditetapkan semasa Tempoh Program tetapi dibatalkan semasa tempoh percubaan, diserahkan balik, digantikan polisinya **TIDAK** layak untuk dipertimbangkan untuk Program ini dan tidak layak untuk mendapat ganjaran tunai.
- f) “Tempoh percubaan” merujuk tempoh lima belas (15) hari bermula dari tarikh penerimaan dokumen atau sijil polisi, mengikut keadaan, berkaitan dengan produk bankasurans/bankatakaful, sama ada dalam bentuk salinan keras atau e-Polisi / e-sijil oleh Peserta yang Layak.
- g) Pembelian / caruman bankasurans/bankatakaful tertakluk pada terma dan syarat yang dikeluarkan oleh AIA Berhad atau AIA PUBLIC Takaful Berhad, mengikut keadaan.

3.7 **Terma Lain**

- a) Program ini TIDAK sah untuk promosi produk dan/atau kempen lain yang kini ditawarkan oleh PBB dan/atau PIBB.
- b) Ganjaran tunai akan dikreditkan dalam akaun semasa/simpanan Peserta yang Layak dalam tempoh tiga (3) bulan selepas akhir Tempoh Program.
- c) Ganjaran tunai ini tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga, tidak boleh dirundingi dan tidak boleh ditukar ganti dengan tunai, kredit atau barang terlebih dahulu, sebahagiannya atau sepenuhnya.
- d) Sekiranya akaun semasa / akaun simpanan ini ditutup /ditukar / digantung/ dibatalkan atau dihentikan semasa Tempoh Program sebelum pengkreditan ganjaran tunai, Peserta yang Layak tidak layak untuk mendapat ganjaran tunai.

4. **Terma dan Syarat Am**

- 4.1 Dengan mengambil bahagian dalam Program ini, Peserta yang Layak bersetuju untuk mematuhi terma dan syarat ini, terma dan syarat yang mengawal Produk yang Layak (termasuk apa-apa pindaan, perubahan dan/atau semakan semula terma dan syarat berkenaan). Sekiranya terdapat percanggahan antara terma dan syarat ini dengan terma dan syarat yang mengawal Produk yang Layak, terma dan syarat ini akan diterima pakai bagi tujuan Program ini.
- 4.2 Peserta yang Layak mengakui dan bersetuju bahawa rekod urus niaga yang disenggara oleh PBB dan PIBB dan keputusan PBB dan PIBB berkaitan dengan Program ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat ke atas mereka. PBB dan PIBB tidak akan melayani apa-apa rayuan atau surat-menyurat daripada mana-mana Peserta yang Layak dan/atau pihak ketiga.
- 4.3 Peserta yang Layak bersetuju dan memberi keizinan kepada PBB dan PIBB untuk memproses, menggunakan dan menyimpan semua maklumat mereka berkenaan dengan Produk yang Layak, bagi tujuan Program ini.

- 4.4 PBB dan PIBB tidak akan dipertanggungjawabkan mahupun bertanggungjawab bagi apa-apa bentuk dan apa sekali pun yang timbul atau dialami oleh Peserta yang Layak dan/atau pihak ketiga yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada Program ini kecuali disebabkan oleh kecuaiian atau salah laku yang disengajakan oleh PBB atau PIBB secara khusus berkaitan dengan Program ini.
- 4.5 PBB dan PIBB tidak akan dipertanggungjawabkan bagi apa-apa salah tafsiran atau salah gambaran fakta oleh pihak ketiga yang tidak dibenarkan berkaitan dengan Program ini yang disiarkan dalam media massa, bahan pemasaran dan pengiklanan.
- 4.6 Sejauh mana dibenarkan oleh undang-undang, PBB dan PIBB secara nyata mengecualikan dan menolak apa-apa representasi, waranti atau pengesahan, secara nyata atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa pengedaran kepada apa-apa yang diterbitkan dalam media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan, termasuk tetapi tidak terhad pada apa-apa jaminan kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk sesuatu tujuan berkaitan dengan Program ini.
- 4.7 Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara terma dan syarat ini dengan apa-apa bahan pengiklanan, kempen, promosi, publisiti dan bahan lain yang berkaitan dengan Program ini, terma dan syarat Program ini akan diterima pakai.
- 4.8 PBB dan PIBB berhak untuk menambah, memotong atau mengubah terma dan syarat ini, dari semasa ke semasa, sepenuhnya atau sebahagiannya, dengan memberi notis selama dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada Peserta yang Layak melalui laman web PBB atau PIBB, meletakkan notis di cawangan PBB atau PIBB, atau apa-apa cara lain seperti yang akan ditentukan oleh PBB atau PIBB dari semasa ke semasa.
- 4.9 PBB dan PIBB berhak untuk membatalkan, menarik balik, menggantung atau menamatkan Program ini sebelum Program ini tamat, sepenuhnya atau sebahagiannya, dengan memberi notis selama dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada Peserta yang Layak melalui laman web PBB atau PIBB, meletakkan notis di cawangan PBB atau PIBB, atau apa-apa cara lain seperti yang akan ditentukan oleh PBB atau PIBB dari semasa ke semasa. Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa pembatalan, penarikan balik, penggantungan atau pembatalan tidak akan melayakkan Peserta yang Layak untuk apa-apa tuntutan atau ganti rugi terhadap PBB atau PIBB bagi mana-mana atau semua kerugian atau ganti rugi yang ditanggung atau dialami oleh Peserta yang Layak.

4.10 Terma dan syarat ini akan dikawal dan ditafsir menurut undang-undang Malaysia dan Peserta yang Layak bersetuju untuk mematuhi bidang kuasa bukan eksklusif mahkamah di Malaysia.

4.11 Peserta yang Layak boleh membaca Notis Kerahsiaan PBB atau PIBB yang menyatakan bagaimana PBB atau PIBB menggunakan maklumat mereka melalui www.pbebank.com atau www.publicislamicbank.com atau mana-mana cawangan PBB atau PIBB.

Halaman Selebihnya Pada Muka Surat Ini Sengaja Dibiarkan Kosong
